



**PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)  
MENANGANI INSIDEN KEBAKARAN HUTAN DAN  
SEMAK BERHAMPIRAN KAWASAN SEKOLAH / MAKTAB  
DI SELURUH NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**





**PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)  
MENANGANI INSIDEN KEBAKARAN HUTAN DAN SEMAK  
BERHAMPIRAN KAWASAN SEKOLAH / MAKTAB  
DI SELURUH NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Disediakan oleh :

Bahagian Kesihatan, Keselamatan,  
Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar [HSSE]  
Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan  
Kementerian Pendidikan

Diterbit pada :  
Jun 2017



## JIKA TERJADI INSIDEN:

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)  
MENANGANI INSIDEN KEBAKARAN HUTAN DAN  
SEMAK BERHAMPIRAN KAWASAN SEKOLAH / MAKTAB  
DI SELURUH NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### NOMBOR-NOMBOR PENTING / KECEMASAN



Ambulans (Paramedik)

**991**



Pasukan Polis Diraja Brunei

**993**



Pasukan Bomba dan  
Penyelamat

**995**



Pasukan Mencari dan  
Menyelamat

**998**



Talian Darussalam

**123**



Jabatan Perkhidmatan  
Elektrik

**144**



Pusat Pengurusan  
Bencana Kebangsaan  
(NDMC)

**2380308**



Kementerian Kesihatan

**2381640**



Jabatan Alam Sekitar,  
Taman dan Rekreasi  
(Bahagian Kawalan  
Pencemaran),  
Kementerian  
Pembangunan



Jabatan Kajicuaca  
Kementerian Perhubungan

**2381342**

**224126/2380214**  
**Ext 405/409**



## JIKA TERJADI INSIDEN:

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)  
MENANGANI INSIDEN KEBAKARAN HUTAN DAN  
SEMAK BERHAMPIRAN KAWASAN SEKOLAH / MAKTAB  
DI SELURUH NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### NOMBOR-NOMBOR PENTING / KECEMASAN

#### Kementerian Pendidikan



Jabatan Pentadbiran dan  
Perkhidmatan-  
Perkhidmatan

**2381133**



Jabatan Sekolah-  
Sekolah

**2230637**



Jabatan Perancangan  
dan Pengurusan Estet

**2384205**



Unit Perhubungan  
Awam

**2381301**



Bahagian HSSE

**2235578**

# PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)

## MENANGANI INSIDEN KEBAKARAN HUTAN DAN SEMAK BERHAMPIRAN KAWASAN SEKOLAH / MAKTAB KERAJAAN DI SELURUH NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### ISI KANDUNGAN

1. DEFINISI
2. TUJUAN
3. DEFINISI JARAK BAHAYA BAGI KAWASAN SEKOLAH / MAKTAB SEWAKTU KEBAKARAN DI HUTAN BERDEKATAN
4. RAJAH KASAR JARAK BAHAYA BAGI KAWASAN SEKOLAH / MAKTAB SEWAKTU KEBAKARAN HUTAN BERDEKATAN
5. FASA PERMULAAN MENANGANI KEBAKARAN HUTAN DAN SEMAK BERHAMPIRAN SEKOLAH / MAKTAB
  - A. PERANAN JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN
  - B. PERANAN JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH
  - C. PERANAN JABATAN PERANCANGAN DAN PENGURUSAN ESTET
  - D. PERANAN SEKOLAH / MAKTAB
6. FASA KEJADIAN KEBAKARAN HUTAN DAN SEMAK BERHAMPIRAN SEKOLAH / MAKTAB
  - A. PERANAN SEKOLAH / MAKTAB
  - B. PERANAN JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH
  - C. PERANAN JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN

7. FASA SELEPAS KEJADIAN KEBAKARAN HUTAN DAN SEMAK BERHAMPIRAN SEKOLAH / MAKTAB
  - A. PERANAN SEKOLAH / MAKTAB
  - B. PERANAN JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH
  - C. PERANAN JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN
  - D. PERANAN JABATAN PERANCANGAN DAN PENGURUSAN ESTET

LAMPIRAN A - CARTA ALIRAN BAGI SEKOLAH / MAKTAB MENANGANI INSIDEN KEBAKARAN HUTAN DAN SEMAK DI TAHAP ANCAMAN RENDAH, SEDERHANA DAN TINGGI

LAMPIRAN B - CARTA ALIRAN JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN SEMASA MENANGANI INSIDEN KEBAKARAN HUTAN DAN SEMAK

LAMPIRAN C - SENARAI SEMAK TINDAKAN : LANGKAH AWAL MENGHADAPI INSIDEN KEBAKARAN HUTAN DAN SEMAK DI SEKOLAH / MAKTAB

LAMPIRAN D - SENARAI SEMAK TINDAKAN GURU SEMASA INSIDEN : KEBAKARAN HUTAN DAN SEMAK DI SEKOLAH / MAKTAB

APENDIKS 1: PENGELUARAN SENARAI SOP-SOP BERKAITAN

APENDIKS 2: KUMPULAN PENYELIDIK DAN SIDANG EDITORIAL

APENDIKS 3: PENGHARGAAN

## 1. DEFINISI

Kebakaran Hutan dan Semak dihuraikan dalam tiga (3) kategori kebakaran seperti berikut :

- i. *Crown Fire* : Kebakaran melibatkan di silara (crown fire) iaitu kebakaran ini membakar dan merebak dari satu pokok ke pokok besar / tinggi serta pokok-pokok belukar.
- ii. *Surface Fire* : Kebakaran di permukaan bumi (surface fire) iaitu kebakaran jenis ini membakar bahan-bahan bakar yang selalunya terdiri daripada tumbuh-tumbuhan, pokok-pokok tumbang, daun-daun kering dan sebagainya terdapat di permukaan bumi. (Rujukan Buku Panduan Asas Kecemasan dan Keselamatan Awam, Edisi 2013, Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam).
- iii. *Ground Fire* : Kebakaran melibatkan di dalam Bukit (ground fire). Kebakaran jenis ini membakar lapisan-lapisan organan atau gambut (peat) yang terkumpul di bawah permukaan bumi.

## 2. TUJUAN


Dokumen ini disediakan bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan guru-guru, pelajar-pelajar dan warga sekolah / maktab sentiasa diambil perhatian dengan:-

- 2.1 Menyediakan garis pandu tindakan yang perlu diambil jika berlaku kebakaran hutan dan semak berhampiran sekolah / maktab;
- 2.2 Memupuk kesedaran "kesiap-siagaan" di kalangan warga sekolah / maktab bagi menghadapi insiden kebakaran hutan dan semak berhampiran sekolah / maktab; dan
- 2.3 Memastikan aspek kesihatan, keselamatan, kawalan keselamatan dan persekitaran warga sekolah / maktab sentiasa terjamin dan terkawal semasa dan selepas kebakaran hutan dan semak.

### 3. DEFINISI JARAK BAHAYA BAGI KAWASAN SEKOLAH / MAKTAB SEWAKTU KEBAKARAN HUTAN BERDEKATAN

Tahap Ancaman (hazard)	Zon Pemisah Keselamatan Kebakaran	Jarak Modifikasi Bahan Bakar (meter)	Tahap Mitigasi Kebakaran yang sedia ada	Tindakan serta-merta jika terjadi kebakaran di dalam zon yang melebihi 30% kawasan
RENDAH	1	10	<p>a - Tidak ada daun-daun kering di dalam longkang/ 'gutter' dan atap bangunan yang berlonggok.</p> <p>b - Tidak ada pokok kayu pada jarak 5 meter dari bangunan.</p> <p>c - Jarak di antara pokok adalah 5 meter dan dahan paling rendah tidak kurang dari ketinggian 5 meter setiap kayu dengan paras rumput di bawah sudah dipotong.</p> <p>d - Menanam tumbuhan yang menjalar ke pokok kayu yang akan membantu api merebak.</p> <p>e - Talian kawat elektrik bergantung menuju ke premis perlu bebas dari tumbuhan / pokok.</p>	Bangunan sudah dikosongkan dan penghuni berkumpul di kawasan <i>assembly point</i> yang ditentukan atau kawasan jarak selamat dari asap dan bahang api.
SEDARHANA	2	10-30	<p>a - Kurangkan menanam tumbuhan mudah terbakar di kawasan ini.</p> <p>b - Menyediakan 'fuel break' seperti longkang atau laluan jalan kaki (batu / simen / tanah) pada jarak tidak kurang dari 2 meter lebar bagi laluan jalan kaki berkenaan.</p> <p>c - Jika zon ini berada di lereng bukit (api mudah merebak pada 'gradient' tinggi), sukatan jarak ditambah lagi 30 meter keluar.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengumuman dan amaran lonceng pengosongan bangunan dibuat</li> <li>• Mula mengosongkan bangunan secara teratur</li> </ul>
TINGGI	3	30-60	<p>a - Pastikan tumbuhan di kawasan berkenaan sentiasa dipelihara paras ketinggiannya.</p> <p>b - Sumber air sudah dikenalpasti seperti longkang, <i>hydrant</i>, sungai dan sebagainya.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membuat pengumuman untuk bersedia untuk mengosongkan bangunan</li> <li>• Memaklumkan pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat.</li> </ul>

4. RAJAH KASAR JARAK BAHAYA BAGI KAWASAN SEKOLAH / MAKTAB SEWAKTU KEBAKARAN HUTAN BERDEKATAN



\*Sumber dirujuk dari Federal Emergency Management Agency (FEMA), USA mengenai amaran dan langkah-langkah pengosongan bangunan sewaktu kebakaran hutan menghampiri bangunan.

## 5. FASA PERMULAAN MENANGANI KEBAKARAN HUTAN DAN SEMAK BERHAMPIRAN SEKOLAH / MAKTAB

Fasa Permulaan bagi menangani kebakaran hutan dan semak berhampiran sekolah / maktab mula diambil perhatian jika berlakunya kebakaran hutan dan semak dalam skala besar di Daerah-Daerah di Negara Brunei Darussalam terutama di musim kemarau.

Beberapa tindakan yang perlu diambil oleh jabatan-jabatan yang berkenaan di bawah Kementerian Pendidikan dan agensi-agensinya terlibat bagi memastikan kawalan kesihatan dan keselamatan warga sekolah di tahap yang maksima.



### a) Peranan Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan :

Langkah-langkah awal persediaan dan pencegahan kebakaran hutan dan semak berhampiran sekolah / maktab, Bahagian Kesihatan, Keselamatan, Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar (HSSE) :

Langkah-langkah awal persediaan dan pencegahan kebakaran hutan dan semak berhampiran sekolah / maktab, Bahagian Kesihatan, Keselamatan, Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar (HSSE) :

- i. Mendapatkan maklumat kebakaran hutan dan semak daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Kaji Cuaca Negara Brunei Darussalam, Kementerian Perhubungan, Jabatan Alam Sekitar, Taman & Rekreasi (JASTRE), Kementerian Pembangunan, Perkhidmatan Kesihatan Awam, Kementerian Kesihatan dan berhubung dengan kualiti udara (PSI) yang selamat dan kawasan-kawasan yang mudah menghadapi kebakaran hutan dan semak di musim kemarau.
- ii. Menyelaras dengan Jabatan Sekolah-Sekolah bagi mengenal pasti sekolah / maktab yang kawasannya berisiko menghadapi kebakaran hutan dan semak ketika musim kemarau.

- iii. Membuat penilaian risiko ke sekolah / maktab untuk mengenal pasti kemudahan yang sedia ada seperti bilik 'sick bay', tempat perhimpunan tertutup, peralatan *First Aid* dan infrastruktur seperti penghawa dingin.

LAPORAN PENILAIAN RISIKO									
No.	Gambar/Video	Peta/ Lokasi / Isip	Pihak yang Berisiko	Tingkat Risiko			Langkah tindakan yang perlu diambil	Nilai yang ditetapkan	
				A	B	C		1	2
11.		Bilik yang dipenuhi dengan tanah dan air berhalangan dengan tempat perhimpunan (bilik bangunan lama)	Warga sekolah	2	2	B	<p><b>Tindakan Segera</b></p> <p>Pihak sekolah diarahkan untuk bilik air ditutup atau dibersihkan dengan menggunakan pengalirannya.</p> <p><b>Tindakan Awal</b></p> <p>1. Menyediakan bilik air yang boleh dibakar untuk bilik perhimpunan yang diperlukan, perkhidmatan perkhidmatan bilik air yang boleh dibakar.</p> <p>2. Menyediakan perkhidmatan perkhidmatan bilik air yang boleh dibakar.</p>	Sesuai	Sesuai
12.		Langkahkan dan-dupur yang berhampiran dengan bangunan lama.	Warga sekolah	2	2	R	<p><b>Tindakan Segera</b></p> <p>Pihak sekolah diarahkan untuk membersihkan langkahkan dan-dupur yang berhampiran dengan bangunan lama.</p> <p><b>Tindakan Awal</b></p> <p>Pihak sekolah untuk membersihkan bilik perhimpunan bilik air yang berhampiran dengan bangunan lama.</p>	Sesuai	Sesuai

- iv. Menyediakan laporan penilaian risiko bagi mengenal pasti kemudahan bangunan dan keadaan persekitaran di kawasan sekolah / maktab dan menghadapkan ke pihak-pihak berkenaan di Kementerian Pendidikan seperti Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS) dan Jabatan Perancangan dan Pengurusan Estet (JPPE) untuk tindakan selanjutnya.
- v. Memastikan sekolah / maktab telah menyediakan pelan tindakan kecemasan atau *emergency response* plan termasuk pelan lantai (*floor plan*) bangunan sekolah / maktab khusus untuk insiden kebakaran hutan dan semak yang jelas bagi memudahkan warga sekolah / maktab bergerak menuju ke tempat perhimpunan tertutup yang selamat bagi proses pemindahan (*evacuation stage*);

- vi. Menyelaras bersama Unit Padang dan Kawasan (AKP), Bahagian Kemudahan-Kemudahan untuk memastikan perkhidmatan kebersihan kawasan persekitaran termasuk kawasan luar pagar sekolah / maktab seperti pemotongan rumput adalah terkawal.
- vii. Menyelaras bersama Jabatan Sekolah-Sekolah untuk memberikan perkhidmatan pemotongan pokok di dalam dan luar kawasan pagar sekolah / maktab, terutama sekolah / maktab yang dikenalpasti berisiko tinggi

#### b) Peranan Jabatan Sekolah-Sekolah :

Langkah-langkah awal persediaan dan pencegahan menghadapi kebakaran hutan dan semak berhampiran kawasan sekolah / maktab, Jabatan Sekolah-Sekolah melalui ketua kluster :

- i. Membuat cadangan awal jika kebakaran hutan dan semak berhampiran sekolah / maktab mengakibatkan keadaan sekolah / maktab tidak selamat untuk digunakan berasaskan kepada nasihat yang diperolehi daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat.
- ii. Mendapatkan maklumat awal seperti data kesihatan warga sekolah / maktab dan status perubatan yang diperlukan sebagai langkah awal;
- iii. Mendapatkan maklumat daripada sekolah / maktab bagi senarai nama dan jumlah guru-guru dan pelajar-pelajar yang mempunyai masalah kesihatan jantung dan paru-paru (mempunyai sejarah penyakit jantung, asma, penyakit radang paru-paru, alahan dan sebagainya) bagi sekolah / maktab yang dikenal pasti berisiko menghadapi kebakaran hutan dan semak berhampiran kawasan sekolah);



- iv. Memastikan penyediaan awal peralatan yang diperlukan untuk menghadapi sebarang kemungkinan kebakaran hutan dan semak seperti topeng muka N95, cecair titik mata (*eye drops*), penapis udara mudah alih, *First Aid Box* dan lain-lain.
- v. Menyediakan latihan yang bersesuaian kepada sekolah / maktab seperti *Fire Marshall* dan *First Aider* untuk persiapan langkah-langkah awal sebelum menghadapi sebarang insiden kecemasan atau kemalangan;
- vi. Mendapatkan nasihat dari pihak HSSE untuk menyediakan notis-notis atau nasihat kesihatan (jika diperlukan); dan
- vii. Mengeluarkan memorandum mengenai langkah-langkah yang perlu diambil mengenai kebakaran hutan dan semak berhampiran kawasan sekolah.

#### c) Peranan Jabatan Perancangan dan Pengurusan Estet (JPPE)

Langkah-langkah awal persediaan dan pencegahan kebakaran hutan dan semak berhampiran kawasan sekolah, Jabatan Perancangan dan Pengurusan Estet :

- i. Membuat penilaian, pemeriksaan dan kerja-kerja pembaikan terhadap struktur bangunan yang boleh menjejaskan keselamatan dan kesihatan warga sekolah / maktab semasa menangani kebakaran hutan dan semak.

- ii. Menilai penyediaan kemudahan-kemudahan yang diperlukan seperti bilik 'sick bay' dan tempat perhimpunan tertutup yang dilengkapi dengan penghawa dingin atau kipas dan alat penapis udara.



- iii. Sentiasa berhubung dengan pihak sekolah / maktab yang berisiko tinggi mengenai dengan status tindakan JPPE berkaitan dengan bangunan dan infrastruktur sekolah / maktab.

#### d) Peranan Sekolah / Maktab

Langkah-langkah awal persediaan dan pencegahan kebakaran hutan dan semak berhampiran kawasan sekolah / maktab:

- i. Pemimpin Sekolah hendaklah memastikan kawasan persekitaran sentiasa terjaga dan terkawal seperti yang dinyatakan di dalam *Matrix Table* di bilangan 3 di bawah ruang "Tahap Mitigasi Kebakaran Yang Ada" bagi setiap zon dan tahap risiko yang ditetapkan.



- ii. Pemimpin Sekolah hendaklah membuat pemeriksaan secara visual keadaan persekitaran sekolah / maktab dan mengetahui maklumat terkini melalui media masa, laman sesawang atau makluman dari pihak sekolah / maktab jika berlakunya kebakaran hutan yang berhampiran dengan kawasan tadahan sekolah / maktab berkenaan.
- iii. Pemimpin Sekolah hendaklah memberikan perhatian jika berlakunya kebakaran hutan dalam jarak 500 meter daripada kawasan sekolah / maktab sementara kebakaran semak dalam jarak 200 meter daripada kawasan sekolah / maktab.
- iv. Pemimpin Sekolah hendaklah menghubungi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat untuk membuat pemadaman kebakaran, memantau pergerakan kebakaran dan juga keadaan angin jika kebakaran hutan semak menghampiri sekolah / maktab mengikut jarak yang dinyatakan di atas dalam perkara (d) ii.
- v. Jika berlakunya kebakaran hutan dan semak berhampiran dengan sekolah / maktab, Pemimpin Sekolah hendaklah menghadkan aktiviti-aktiviti di luar kelas bagi pelajar-pelajar di bawah umur lima (5) tahun dan pelajar-pelajar yang mempunyai masalah jantung atau paru-paru (mempunyai sejarah penyakit jantung, asma, radang paru-paru, bronkitis, alahan dan lain-lain). Sebaiknya, aktiviti dihadkan di dalam kawasan tertutup sahaja (*indoor*).

Mengenal pasti, menyediakan dan mengemaskinikan maklumat guru-guru dan pelajar-pelajar yang mempunyai masalah kesihatan jantung dan paru-paru (mempunyai sejarah penyakit jantung, asma, penyakit radang paru-paru, alahan dan sebagainya).

- vii. Mereview jadual dan menghadkan tugas guru-guru dan kakitangan yang bekerja di luar bilik kelas seperti tukang kebun, pembersih dan guru-guru pendidikan jasmani.





- viii. Menyediakan sekurang-kurangnya satu bilik (*sick bay*) yang dilengkapi dengan penghawa dingin dengan alat penapis udara mudah alih untuk menempatkan guru-guru dan pelajar-pelajar yang mempunyai masalah kesihatan yang berkaitan dengan penyakit pemafasan untuk sementara waktu.



- ix. Pemimpin Sekolah hendaklah memberi taklimat mengenai langkah-langkah pencegahan awal kepada warga sekolah / maktab dari masa ke semasa dan mengetahui proses pemindahan (*evacuation stage*) dan penjagaan kesihatan diri (seperti membawa keperluan kesihatan persendirian dan banyak minum air) semasa menghadapi insiden jerebu di sekolah / maktab.

- x. Mengeluarkan surat permakluman kepada ibu bapa atau penjaga untuk menyediakan peralatan kesihatan, keselamatan dan kebersihan seperti air mineral, cecair titik mata dan losyen pelembab sebagai persiapan insiden kebakaran hutan dan semak berhampiran di kawasan sekolah / maktab.
- xi. Memastikan peralatan-peralatan dan keperluan yang berkenaan dibekalkan oleh JSS adalah mencukupi semasa situasi jerebu seperti topeng muka N95, cecair titik mata (*eye drops*), pencuci tangan, penapis udara mudah alih, dan *First Aid Box*.
- xii. Mengenal pasti tempat yang selamat untuk tempat perhimpunan tertutup berdasarkan perkiraan keluasan tempat dengan jumlah penghuni seperti yang disahkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat mengikut *Fire Safety Order* 2016.



- xiii. Menyediakan *emergency response plan* termasuk dalam peranan *Fire Marshall* dan menyediakan pelan lantai (*floor plan*) bangunan sekolah / maktab khusus untuk insiden insiden kebakaran hutan dan semak yang jelas bagi memudahkan warga sekolah / maktab bergerak menuju ke tempat perhimpunan tertutup yang selamat bagi proses pemindahan (*evacuation stage*).

- xiv. Menyelaras bersama dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat dalam membuat lawatan ke sekolah / maktab untuk memberikan saranan dan nasihat bagi langkah-langkah pencegahan kebakaran dan menetapkan tempat perhimpunan tertutup yang bersesuaian dengan mengambilkira struktur sekolah, keadaan tanah, dan kawasan sekolah / maktab yang berhampiran dengan kawasan kebakaran hutan dan semak, yang mempunyai potensi tercetus kebakaran terutama semasa musim kemarau.
- xv. Menghadapkan permohonan ke Jabatan Perancangan dan Pengurusan Estet untuk sebarang penambahbaikan bagi memastikan tempat perhimpunan tertutup adalah selamat dan mempunyai sistem pengudaraan (ventilation) yang baik dan berfungsi.
- xvi. Sentiasa proaktif dalam membuat pemeriksaan ke atas kemudahan dan infrastruktur bangunan di sekolah / maktab terutama sekali bilik-bilik yang berhawa dingin supaya mempunyai sistem pengalihan udara berserta alat penapis udara yang baik dan berfungsi. Mana-mana kemudahan yang rosak perlu dirujuk ke JPPE untuk kerja-kerja pembaikan dengan segera.
- xvii. Melantik guru-guru atau kakitangan dan menyelaras dengan Jabatan Sekolah-Sekolah bagi menjalani latihan asas seperti:
  - *First Aider* untuk menangani dengan segera pelajar-pelajar yang mengalami masalah kesihatan; dan
  - *Fire Marshall* bagi membantu melancarkan proses pemindahan (*evacuation stage*).
- xviii. Memastikan warga sekolah / maktab (guru, kakitangan dan pelajar) tidak melakukan pembakaran secara terbuka di kawasan berhampiran dengan bangunan sekolah / maktab yang boleh menjejaskan kualiti udara dan kesihatan warga sekolah / maktab.

- xix. Membuat sebarang laporan sekiranya terdapat pembakaran secara terbuka di kawasan yang berhampiran dengan sekolah / maktab dan menjejaskan kualiti udara di kawasan sekolah / maktab kepada pihak berwajib.
- xx. Memastikan rumput dan longkang sentiasa terpelihara dan keadaan bersih bagi mengurangkan tahap risiko dan terdedah bahaya sebelum terjadi insiden kebakaran hutan dan semak yang berhampiran dengan sekolah / maktab.

## 6. FASA KEJADIAN KEBAKARAN HUTAN DAN SEMAK BERHAMPIRAN SEKOLAH / MAKTAB



Fasa kejadian insiden kebakaran hutan dan semak bermula jika adanya kebakaran berhampiran kawasan sekolah / maktab dan pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat sudah dimaklumkan untuk tindakan memadamkan kebakaran. Jika kedudukan kebakaran tersebut dalam tahap yang tidak terkawal, nasihat dan saranan pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat hendaklah diminta bagi memulakan proses pemindahan.

Beberapa tindakan yang perlu diambil oleh jabatan-jabatan yang berkenaan di bawah Kementerian Pendidikan bagi memastikan kawalan kesihatan dan keselamatan warga kementerian di tahap yang maksima.

## a) Peranan Sekolah / Maktab

Merujuk kepada *Matrix Table* di bilangan 3 dan Rajah di bilangan 4, jika berlakunya insiden kebakaran hutan dan semak berhampiran dengan sekolah / maktab, tindakan yang perlu dilaksanakan oleh pihak sekolah / maktab:

### Tahap Risiko Rendah dan Sederhana (10m-30m)

- i. Pemimpin Sekolah membuat pengumuman proses pemindahan (*evacuation stage*) pelajar-pelajar ke tempat yang telah dikenal pasti untuk tempat perhimpunan tertutup.
- ii. *Fire Marshall* memastikan Guru-Guru Kelas mengikuti proses pemindahan yang selamat (*evacuation stage*) ke tempat-tempat perhimpunan tertutup yang telah dikenal pasti mengikut '*maximum occupancy*'.



- iii. Guru Kelas memastikan bilangan pelajar yang hadir dan memaklumkan *Fire Marshall* untuk mencari jika ada kekurangan pelajar sebelum pemindahan ke tempat perhimpunan.



- iv. Jika kebakaran merebak ke tahap yang tidak dapat di kawal di peringkat sekolah / maktab, maka pihak sekolah maktab hendaklah menghubungi Jabatan Bomba dan Penyelamat dengan segera bagi memohon bantuan memadam kebakaran hutan dan semak berhampiran di sekolah / maktab berkenaan.



- v. Pihak Bomba akan membuat penilaian dan mengesahkan keadaan sekolah / maktab jika ianya tidak selamat, berdasarkan kepada tahap kebakaran hutan dan semak yang berkemungkinan akan meningkat ke tahap tinggi di sekolah / maktab yang terjejas.

## Tahap Tinggi (30m-60m)



- vi. Pemimpin Sekolah boleh menutup sekolah / maktab jika jarak kebakaran hutan dan semak dalam jarak 60 meter dari kawasan sekolah / maktab dengan mengambil kira kepentingan keselamatan dan kesihatan warga sekolah / maktab disebabkan oleh kebakaran atau asap tebal.
- vii. Pemimpin Sekolah hendaklah memaklumkan dan menghubungi dengan segera bagi proses penutupan sekolah / maktab:-
  - Jabatan Sekolah-Sekolah (melalui ketua-ketua kluster);
  - Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan (kenderaan jika diperlukan).
  - Polis (bagi mengawal keadaan lalulintas) jika perlu; dan
  - Guru Kelas masing-masing hendaklah menghubungi ibu bapa / penjaga pelajar untuk mengambil pelajar-pelajar di tempat yang ditetapkan.

- viii. Guru Kelas menghubungi ibu bapa / penjaga pelajar-pelajar dan menyediakan senarai nama pelajar untuk ditandatangani sebagai pengesahan bahawa pelajar-pelajar telah dibawa balik oleh ibu bapa / penjaga masing-masing.



- ix. Jika berlakunya pelajar yang mengalami masalah kesihatan dan memerlukan bantuan kecemasan :
  - Guru Kelas mengenal pasti pelajar-pelajar yang mengalami masalah kesihatan untuk diserahkan kepada *First Aider* untuk mengawal keadaan pelajar dengan segera.



- *First Aider* menangani tindakan awal untuk menangani, mengawal dan memantau keadaan pelajar-pelajar di bilik 'sick bay'.

- Menghubungi paramedik (Ambulans 991) untuk tindakan kecemasan dan mendapatkan maklumat pelajar daripada Guru Kelas bagi kegunaan paramedik atau Pusat Kesihatan.
- Pihak sekolah / maktab boleh memohon tambahan bantuan perkhidmatan kenderaan daripada Bahagian Kenderaan dan Pengangkutan untuk membawa ke Pusat Kesihatan yang berhampiran (jika diperlukan).
- Menghubungi ibu bapa / penjaga pelajar yang terlibat untuk memaklumkan status kesihatan dan keberadaan pelajar.

## b) Peranan Jabatan Sekolah-Sekolah

- Jabatan Sekolah-Sekolah akan mendapatkan maklumat melalui Ketua Kluster dan memaklumkan kepada Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) secara ringkas mengenai insiden tersebut.
- Memaklumkan kepada Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) untuk penutupan sekolah / maktab memandangkan keadaan kebakaran hutan dan semak di tahap yang bahaya dan atas saranan pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat untuk memulakan proses pemindahan.
- Jika ada kejadian pelajar yang mengalami masalah kesihatan dan memerlukan bantuan kecemasan, Jabatan Sekolah-Sekolah akan menyelaras bersama Ketua-Ketua Cawangan Daerah sebagai pegawai penghubung dalam memantau perkembangan pelajar-pelajar yang telah dihantar ke Pusat-Pusat Kesihatan dan perlu berada di Pusat-Pusat Kesihatan dalam memberikan maklumat kepada Ketua-Ketua Kluster.

iv. Jabatan Sekolah-Sekolah hendaklah menyelaras bersama pihak sekolah / maktab yang terjejas bagi pemindahan atau penempatan peperiksaan dengan memaklumkan kepada ibu bapa atau penjaga pelajar-pelajar yang terjejas.

iv. Jabatan Sekolah-Sekolah akan mengambil tindakan-tindakan yang bersesuaian bagi sekolah / maktab yang terjejas dalam proses penutupan seperti berikut:

- Menghadapkan permohonan bagi mendapatkan kebenaran dari Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) bagi penundaan peperiksaan PSR dan peperiksaan dalaman sekolah / maktab. Manakala peperiksaan awam GCE "O" dan "A" level akan diteruskan seperti biasa di tempat yang akan dimaklumkan oleh Jabatan Sekolah-Sekolah dengan perbincangan bersama Jabatan Peperiksaan.
- Menyelaras dengan Jabatan Peperiksaan bagi mendapatkan ketetapan mengenai peperiksaan awam PSR, GCE "O" level dan GCSE "A" level jika ada sebarang penundaan dan perubahan tarikh serta tempat peperiksaan.



- Memaklumkan kepada sekolah / maktab untuk menunda peperiksaan awam PSR dan peperiksaan dalaman sekolah / maktab, manakala peperiksaan GCSE "O" level dan "A" level akan tetap diteruskan di tempat yang akan dimaklumkan kemudian mengikut kesesuaian kemudahan dan infrastruktur bangunan.
- Mengarahkan sekolah / maktab yang terlibat dalam kebakaran hutan dan semak untuk memaklumkan kepada para ibu bapa / penjaga, guru-guru dan para pelajar yang terlibat dalam peperiksaan.

### c) Peranan Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan

Jika insiden kebakaran hutan dan semak berhampiran dengan sekolah / maktab dalam tahap yang merbahaya untuk warga sekolah / maktab :

- Bahagian Kenderaan dan Pengangkutan menyelaras dengan sekolah / maktab yang terjejas atau ditutup dan memberi bantuan logistik yang diperlukan.
- Bahagian Kenderaan dan Pengangkutan akan menyelaras bersama Ketua-Ketua Cawangan Daerah di bawah Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan bagi sekolah / maktab yang terlibat sama ada memerlukan bantuan pengurusan terutama bagi pelajar-pelajar yang mengalami masalah kesihatan untuk dibawa ke Pusat-Pusat Kesihatan dan Hospital (jika diperlukan).
- Bahagian Kenderaan dan Pengangkutan akan menghubungi bas-bas sekolah dan perahu temuai sekolah bagi mempersiapkan kenderaan untuk membawa balik pelajar-pelajar sekolah / maktab.

- Jika ada kejadian pelajar yang mengalami masalah kesihatan dan memerlukan bantuan kecemasan, Bahagian Kenderaan dan Pengangkutan hendaklah menyediakan perkhidmatan kenderaan untuk membawa pelajar-pelajar yang terjejas dan diiringi oleh pihak sekolah / maktab ke hospital atau Pusat Kesihatan yang berdekatan untuk menjalani rawatan segera (jika diperlukan).



- Pengusaha bas sekolah dan perahu temuai hendaklah memaklumkan kepada Bahagian Kenderaan dan Pengangkutan setelah kerja penghantaran selesai dilaksanakan.
- Bahagian Kenderaan dan Pengangkutan akan melaporkan perkara ini kepada Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan mengenai tindakan yang telah dilaksanakan.

## 7. FASA SELEPAS KEJADIAN KEBAKARAN HUTAN DAN SEMAK BERHAMPIRAN SEKOLAH

### 7.1 Peranan Sekolah / Maktab

- i. Menyediakan laporan pencegahan dan tindakan yang diambil semasa insiden jerebu dan cadangan *way forward* untuk dihadapkan kepada Pengarah Sekolah-Sekolah melalui Ketua-Ketua Kluster.
- ii. Mendapatkan maklumat kesihatan terperinci bagi guru, kakitangan atau pelajar yang mendapatkan bantuan kecemasan semasa insiden jerebu jika keadaan mereka sudah pulih.
- iii. Guru, kakitangan atau pelajar yang sudah pulih kesihatannya, pihak sekolah / maktab perlu memantau perkembangan kesihatannya semasa dalam premis sekolah / maktab untuk kembali bertugas atau belajar seperti biasa.



- iv. Memantau keadaan warga sekolah / maktab yang ditempatkan di hospital sehingga mendapat pengesahan 'discharge' dari pihak Hospital.

- v. Memastikan warga sekolah / maktab yang mendapat rawatan di hospital adalah sihat untuk ke sekolah / maktab sama ada mengikut pembelajaran atau bekerja.
- vi. Pemimpin Sekolah akan membuat permohonan segera bagi perkara-perkara seperti berikut:-
  - Jabatan Perancangan dan Pengurusan Estet untuk mengambil tindakan segera bagi kerja-kerja pembaikan infrastruktur dan kemudahan.
  - Jabatan Sekolah-Sekolah untuk menggantikan dan membekalkan peralatan kebersihan dan peralatan keselamatan.
  - Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan untuk memberikan perkhidmatan logistik seperti kenderaan dan buruh (jika diperlukan).
- vii. Warga sekolah / maktab yang mengalami simptom-simptom seperti demam, selesma, batuk, sakit mata dan lain-lain hendaklah mendapatkan rawatan dengan segera.

### 7.2 Peranan Jabatan Sekolah-Sekolah

- i. Pengarah Sekolah-Sekolah hendaklah menghadapkan laporan terperinci mengenai status terkini keadaan warga sekolah / maktab yang terjejas semasa insiden jerebu kepada Setiausaha Tetap, Kementerian Pendidikan melalui laporan yang dihadapkan oleh pihak sekolah / maktab yang terjejas. Laporan hendaklah meliputi maklumat mengenai tindakan pencegahan, status kesihatan warga sekolah / maktab yang telah pulih dan masih menerima rawatan, cadangan tindakan untuk memperbaiki langkah-langkah yang telah diambil.

- ii. Memberikan bantuan kemudahan seperti peralatan keselamatan dan peralatan kebersihan seperti yang diperlukan oleh pihak sekolah / maktab .
- iii. Membuat pemantauan yang berterusan kepada sekolah / maktab yang terjejas bagi memastikan keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan warga sekolah / maktab terkawal.
- iv. Jika keadaan kebakaran sudah dikawal oleh pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Sekolah-Sekolah akan menghadapkan laporan ke Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan untuk kebenaran sesi persekolahan dijalankan seperti biasa kerana keadaan sekolah / maktab adalah selamat bagi pelajar;
- v. Jika kebenaran diluluskan, Jabatan Sekolah-Sekolah akan melaporkan kepada pihak sekolah / maktab untuk menghubungi ibu bapa / penjaga pelajar dengan segera melalui panggilan atau pesanan ringkas mengenai sesi persekolahan dimulakan semula.

### 7.3 Peranan Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan

- i. Mendapatkan laporan secara menyeluruh daripada Jabatan Sekolah-Sekolah mengenai keadaan pelajar-pelajar yang dihantar ke Pusat-pusat Kesihatan dan Hospital daripada Kementerian Pendidikan;




- ii. Mengadakan perundingan bersama pihak atasan dan pihak-pihak berkepentingan seperti Kementerian Kesihatan bagi tindakan pembaikan dalam aspek HSSE;
- iii. Bahagian HSSE akan meneruskan lawatan pemeriksaan kepada sekolah / maktab yang terjejas serta menyediakan laporan penilaian risiko yang terkini untuk dihadapkan kepada Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan;
- iv. Laporan penilaian risiko akan dihadapkan kepada pihak atasan untuk mendapatkan ketetapan dan nasihat mengenainya;


### 7.4 Jabatan Perancangan dan Pengurusan Estet

- i. Membuat pemeriksaan dan melaksanakan pembaikan kepada sekolah / maktab yang terjejas oleh kebakaran hutan dan semak bagi infrastruktur bangunan dan kawasan persekitaran yang diperlukan termasuk peralatan elektrik seperti penghawa dingin.
- ii. Mengetahui kesan-kesan atau impak kebakaran hutan dan semak ke atas bangunan yang mungkin akan terjadi kemudian hari dan seterusnya mengambil langkah-langkah yang berpatutan.
- iii. Sentiasa meningkatkan strategi dan sistem dari segi pemeriksaan, langkah-langkah yang perlu diambil dan pembaikan terhadap bangunan sekolah / maktab.

**CARTA ALIRAN BAGI SEKOLAH / MAKTAB SEMASA MENANGANI INSIDEN KEBAKARAN HUTAN DAN SEMAK DI TAHAP ANCAMAN RENDAH, SEDERHANA DAN TINGGI**



**CARTA ALIRAN JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN SEMASA MENANGANI INSIDEN KEBAKARAN HUTAN DAN SEMAK**



SENARAI SEMAK TINDAKAN : LANGKAH AWAL MENGHADAPI INSIDEN  
KEBAKARAN HUTAN DAN SEMAK DI SEKOLAH / MAKTAB

Sekolah : \_\_\_\_\_  
Lokasi : \_\_\_\_\_  
Tarikh : \_\_\_\_\_

1	Catatan Senarai yang mempunyai masalah kesihatan (masalah jantung, paru-paru, asma, radang paru-paru, bronkitis, alahan dll)	Perlaksanaan		Catatan
		Sudah	Belum	
a	Guru-guru			
b	Pelajar-pelajar			
c	Pelajar-pelajar yang menduduki peperiksaan seperti PSR dan GCSE 'O' level atau GCSE 'A' Level			
d	Kakitangan sekolah / maktab			

2	Peralatan Kebersihan	Ada	Tidak	Catatan
a	Penyediaan bilik 'sick bay'			
b	Topeng muka N95			
c	Cecair titik mata (eye drops)			
d	Pencuci tangan			
e	Penapis mudah alih			
f	First Aid Box yang lengkap			

3	Aspek Keselamatan	Ya	Tidak	Catatan
a	Assembly Point			
b	Tempat Perhimpunan dengan menyukat 'maximum occupancy' mengikut FSO 2016.			
c	Pemindahan mengenai proses pemindahan (evacuation stage)			
d	Melakukan Fire Drill sebanyak dua (2) kali setahun			
e	Menyediakan pelan lantai (floor plan)			
f	Melantik Fire Marshall dan First Aider			

4	Peralatan Kebersihan	Ya	Tidak	Catatan
a	Fire extinguisher			
b	Fire Blanket			
c	Fire alarm / loceng			
d	Pintu-pintu keluar (Fire exit) adalah berfungsi			

Diperiksa oleh : \_\_\_\_\_ Disahkan oleh : \_\_\_\_\_  
Jawatan : \_\_\_\_\_ Jawatan : \_\_\_\_\_  
Tandatangan : \_\_\_\_\_ Tandatangan : \_\_\_\_\_

SENARAI SEMAK TINDAKAN GURU SEMASA INSIDEN :  
KEBAKARAN HUTAN DAN SEMAK DI SEKOLAH / MAKTAB

Sekolah : \_\_\_\_\_  
Nama Guru Kelas : \_\_\_\_\_  
Tarikh : \_\_\_\_\_

1	Pasukan Tindakan Kecemasan	Butir Peribadi			Lantikan
		Telefon Bimbit	Telefon Rumah	Jawatan	
					Guru Besar / Pengetua / FM / FA/HSSE Rep.
a					
b					
c					
d					

2	Tindakan Guru Darjah	Ada	Tidak	Catatan
Aspek Keselamatan				
a	Mengambil buku kedatangan sekolah / maktab dan mengira jumlah pelajar yang			
b	Mengarahkan pelajar-pelajar untuk proses pemindahan (evacuation stage).			
c	Menutup suis elektrik dan pintu semasa keluar daripada kelas			
d	Memaklumkan Fire Marshall jika ada kekurangan pelajar di tempat perhimpunan.			
e	Menyediakan senarai pelajar untuk pengesahan balik sekolah / maktab.			
f	Mengira semula jumlah pelajar dan memastikan keberadaan pelajar.			
g	Mengenal pasti pelajar yang menggunakan perkhidmatan bas atau temuai.			
h	Menyerahkan pelajar kepada pemandu kenderaan dan pengangkutan untuk dibawa balik jika pelajar menggunakan perkhidmatan bas atau temuai.			
i	Menghubungi ibu bapa pelajar untuk di bawa balik.			

Aspek Kesihatan				
a	Mengenal pasti pelajar yang mempunyai masalah kesihatan dan menyediakan maklumat pelajar untuk kegunaan First Aider			
b	Menyerahkan pelajar yang mempunyai masalah kesihatan kepada First Aider untuk dibawa ke bilik 'sickbay'			
c	Menyediakan senarai pelajar untuk pengesahan balik sekolah / maktab			
d	Menghubungi ibu bapa pelajar untuk di bawa balik			

Diperiksa oleh : \_\_\_\_\_ Disahkan oleh : \_\_\_\_\_  
Jawatan : \_\_\_\_\_ Jawatan : \_\_\_\_\_  
Tandatangan : \_\_\_\_\_ Tandatangan : \_\_\_\_\_

## PENGELUARAN SENARAI SOP-SOP BERKAITAN

- **Prosedur Operasi Standard (SOP) Pelan Keselamatan & Kawalan Kemalangan Lalulintas Di Sekolah-Sekolah Seluruh Negara**
- **Garis Pandu (SOP) Aktiviti Lawatan Sambil Belajar (*Field Trip*) Bagi Sekolah / Maktab / Institusi Pengajian Tinggi Seluruh Negara**
- **Prosedur Operasi Standard (SOP) Insiden Keracunan Makanan, Kementerian Pendidikan**
- **Prosedur Operasi Standard (SOP) Kejadian Jerebu Di Sekolah-Sekolah Kerajaan Seluruh Negara**
- **Prosedur Operasi Standard (SOP) Kejadian Banjir Di Sekolah-Sekolah Kerajaan Seluruh Negara**
- **Prosedur Operasi Standard (SOP) Keselamatan Makmal Sains Di Sekolah / Maktab / Vokasional Negara Brunei Darussalam**
- **Prosedur Operasi Standard (SOP) Menangani Kebersihan Di Kementerian Pendidikan**
- **Prosedur Operasi Standard (SOP) Pengurusan Kawalan Keselamatan Dan Pengendalian Insiden Pencerobohan Bangunan Sekolah / Maktab Kementerian Pendidikan**

## KUMPULAN PENYELIDIK DAN SIDANG EDITORIAL

### Penasihat

**Yang Mulia Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Halus**  
Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan  
Kementerian Pendidikan

### Ketua

**Yang Mulia Pengiran Nazrul Arif bin Pengiran Dato Paduka Haji Md Zain**  
Ketua Bahagian Kesihatan, Keselamatan,  
Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar  
Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan,  
Kementerian Pendidikan

### Setiausaha

**Yang Mulia Hajah Razinahtul Hasyimah binti Haji Abd Rahim**  
Unit Alam Sekitar  
Bahagian Kesihatan, Keselamatan,  
Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar  
Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan,  
Kementerian Pendidikan

### Ahli-Ahli

**Yang Mulia Siti Nahriah binti POKMD DSP Haji Abd Wahab**  
Ketua Unit Alam Sekitar  
Bahagian Kesihatan, Keselamatan,  
Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar  
Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan,  
Kementerian Pendidikan

**Yang Mulia Haji Abd Aziz bin Haji Md Ali**  
Ketua Unit Keselamatan

Bahagian Kesihatan,  
Keselamatan, Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar  
Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan,  
Kementerian Pendidikan

## Ilustrasi

**Yang Mulia Pengiran Mohd Sufian bin Pengiran Haji Mohd Said**  
Ketua Media in Service Center  
Jabatan Perkembangan Kurikulum  
Kementerian Pendidikan

**Yang Mulia Awang Murasedi bin Haji Mohammad**  
Media in Service Center  
Jabatan Perkembangan Kurikulum,  
Kementerian Pendidikan

**Yang Mulia Awang Md Saifullah bin Haji Munap**  
Media in Service Center  
Jabatan Perkembangan Kurikulum,  
Kementerian Pendidikan

**Yang Mulia Awang Asri bin Haji Budin**  
Media in Service Center  
Jabatan Perkembangan Kurikulum,  
Kementerian Pendidikan

**Yang Mulia Awang Muhammad Nuraiziz  
bin Muhammad Junaidi**  
Media in Service Center  
Jabatan Perkembangan Kurikulum,  
Kementerian Pendidikan

## PENGHARGAAN

Bahagian Kesihatan Alam Sekitar  
Perkhidmatan Kesihatan Awam  
Kementerian Kesihatan

Jabatan Bomba dan Penyelamat  
Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri

Pejabat Ketua Pengarah Pendidikan  
Kementerian Pendidikan

Jabatan Sekolah-Sekolah  
Kementerian Pendidikan

Jabatan Perancangan dan Pengurusan Estet  
Kementerian Pendidikan